

SIRI KISAH SEJARAH MALAYSIA

# KISAH GUNUNG KINABALU



pustaka  delta pelajaran sdn. bhd.

**PUSTAKA DELTA PELAJARAN SDN BHD**  
41, Jalan SS24/8,  
Taman Megah,  
Petaling Jaya, Selangor,  
Malaysia.  
Tel: 759377, 764355, 764476.

#### **HAKCIPTA**

Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman ataupun sebaliknya, tanpa izin bertulis terlebih dahulu dari Pustaka Delta Pelajaran Sdn. Bhd.

© Pustaka Delta Pelajaran Sdn. Bhd.  
Terbitan Pertama..... 1982.

Dicetak di Singapura oleh  
Toppan Printing Co. (S) Pte. Ltd.

M  
959-521  
ATA


**APB 293741**

**28 JAN 1988**  
*Perpustakaan Negara*  
*Malaysia*

## KISAH GUNUNG KINABALU

Pulau Borneo adalah pulau yang terbesar di Asia Tenggara. Bahagian timur pulau tersebut kini dikenali sebagai negeri Sabah, iaitu salah sebuah negeri di Malaysia. Di Sabah terdapat gunung yang tertinggi di Asia Tenggara, iaitu Gunung Kinabalu. Tingginya 4102 meter.

Terdapat kisah dongeng yang menarik tentang gunung ini. Lagenda itu membolehkan kita mengetahui bagaimana gunung ini mendapat namanya.




Di Sabah rakyatnya terdiri dari pada berbagai-bagai kaum dan suku. Suku yang paling terkenal ialah suku Bajau dan suku Kadazan. Kedua-dua suku ini hidup dengan aman-damai di Sabah. Mereka menjalankan pekerjaan menternak, bertani, dan menangkap ikan.





Dalam tahun 1368, ketua-ketua Kerajaan Mongol telah dihalau dari negeri Cina. Ketua Cina yang baru telah membentukkan kerajaan baru yang dikenali sebagai Kerajaan Ming. Sekali lagi negeri Cina di bawah pemerintahan rakyatnya sendiri.

Lebih tiga ratus tahun negeri Cina diperintah dengan aman oleh Kerajaan Ming. Semasa pemerintahan Ming, terdapat seorang maharaja yang bercita-cita tinggi. Pengaruh baginda di Cina sangat kuat, tetapi baginda tidak pernah berpuas hati dengan apa yang telah diperolehinya. Baginda berhasrat untuk mengembangkan lagi pengaruh dan kuasanya ke luar negeri Cina, iaitu ke Asia. Namun begitu sebagai penganut agama Buddha yang taat, baginda tidak boleh melakukan pembunuhan atau pertumpahan darah. Oleh itu baginda bercadang untuk menghantar perutusan damai ke Asia. Dengan cara ini baginda berharap dapat menjalin persahabatan dengan kuasa-kuasa di Asia, terutama negeri yang kecil. Baginda percaya lama-kelamaan negeri tersebut akan meminta perlindungan daripada Cina. Dengan jalan ini dapatlah baginda meluaskan jajahan takluknya.





Namun begitu Maharaja Cina tidak tahu di manakah baginda harus memulakan peluasan jajahan takluknya. Asia )) adalah sebuah benua yang besar. Untuk menyelesaikan perkara tersebut, baginda telah memanggil Ketua Menterinya untuk berbincang




Setelah berhadapan dengan Ketua Menterinya, Maharaja Ming pun berkata, "Wahai Ketua Menteri, beta bercadang untuk meluaskan kuasa Ming ke luar negeri. Pada pendapat kamu, bahagian manakah yang harus kita mulakan. Beta berhajat untuk membuat hubungan persahabatan dengan negara-negara di Asia."



Ketua Menteri diam seketika. Beliau tahu akan maksud maharajanya. Akhirnya beliau berkata,

"Yang Mulia Maharaja, patik cadangkan tuanku memulakannya di Asia Tenggara. Kebanyakan kerajaan di sana tidak begitu rapat dengan musuh kita, iaitu orang Mongol. Kita berpeluang baik untuk mengadakan hubungan persahabatan dengan mereka. Tambahan pula negeri-negeri di Asia Tenggara adalah pintu masuk ke negeri Cina. Sekiranya kita bersahabat dengan mereka, tentunya kawasan bahagian pantai Cina selatan akan terselamat daripada ancaman musuh."






Maharaja bersetuju lalu bertitah "Ya, memang benar kata kamu. Biarlah kita hantar perutusan kita ke negeri-negeri di Asia Tenggara. Kita bawa bersama hadiah-hadiah yang berharga. Hendaknya dengan pemberian hadiah-hadiah ini nanti, mereka akan menjadi kawan baru bagi kerajaan kita. Biarlah kita memulakananya dengan cara yang baik, bukan dengan kekerasan dan senjata."

Setelah selesai berbincang, Maharaja Ming pun kembali menjalankan kegiatan harianya. Baginda sangat gemar berburu. Tetapi sebagai penganut Buddha, baginda tidak boleh membunuh binatang. Oleh itu baginda memerintahkan orang-orangnya memasang perangkap, dengan cara ini binatang yang terperangkap tidak akan mendapat kecederaan. Baginda sangat kasih akan binatang. Maharaja merupakan pemerintah yang baik. Itulah sebabnya baginda disayangi oleh rakyat.





Maharaja mempunyai beberapa orang anak, tetapi baginda hanya mempunyai seorang putera sahaja. Yang lain semuanya puteri. Oleh itu baginda terlalu menyayangi puteranya. Setiap gerak-gerinya diawasi. Putera ini tidak dibenarkan keluar dari istana seorang diri. Malahan semasa berjalan-jalan di dalam taman pun putera ini akan dikawal oleh dua orang pengawal.

Maharaja terlalu menyayangi puteranya itu sehingga menyebabkan putera baginda terasa kebebasannya tersekat. Maharaja tidak membenarkan puteranya ini hidup bebas. Keadaan ini membuatkan putera itu tidak gembira. Walaupun hidup dalam kemewahan, tetapi putera itu tidak merasakan kebahagiaan kerana beliau terlalu dikongkong.

Masa beredar dengan cepat. Putera semakin remaja. Ia kelihatan semakin kacak. Banyak sahabat Maharaja yang bercita-cita untuk menjodohkan puteri mereka dengan putera ini. Namun begitu, putera ini masih tidak ingin mendirikan rumah tangga. Beliau lebih suka hidup membujang.








Usia Maharaja Ming semakin bertambah. Baginda mahu melihat puteranya berkahwin dan mempunyai anak. Dengan cara ini tentunya Kerajaan Ming akan sentiasa di bawah pemerintahan keturunannya. Tetapi sekiranya puteranya tidak mempunyai anak, tentunya takhta Kerajaan Ming akan jatuh ke tangan bapa saudaranya. Inilah yang tidak diingini oleh maharaja.

Pada suatu hari, Maharaja mengadakan satu pesta sempena menyambut hari lahir puteranya. Baginda menjemput banyak gadis yang cantik, dengan harapan puteranya akan tertarik kepada salah seorang daripada mereka. Walaupun putera itu menghabiskan masa dengan penuh gembira dalam pesta tersebut, tetapi beliau tidak terpikat pada sesiapa pun. Di akhir pesta tersebut, Maharaja berasa keciwa kerana kerana hasratnya tidak tercapai. Namun begitu baginda tetap menyayangi puteranya itu.



Maharaja tidak berputus asa. Baginda mahu mendengar sendiri pendapat puteranya. Oleh itu pada suatu hari baginda berbin-cang dengan puteranya. Katanya,

"Anakanda, sebagaimana yang anakanda tahu, ayahanda semakin tua dan selalu uzur. Suatu hari nanti, tentu takhta kerajaan ini akan jatuh ke tangan anakanda juga. Kemudian seterusnya kepada keturunan anakanda. Sekiranya anakanda tidak mempunyai keturunan, tentunya kerajaan ini nanti akan diwarisi oleh bapa saudara anakanda. Ayahanda percaya tentu anakanda tahu apa yang ayahanda maksudkan. Anakanda tidak boleh membiarkan keturunan kita hapus begitu sahaja."

Putera berasa sedih mendengar perkara ini, tetapi beliau bertenang dan menjawab,

"Ayahanda, anakanda memahami maksud ayahanda, tetapi biarlah anakanda menjalani hidup ini dengan cara anakanda sendiri untuk sementara waktu ini. Lagipun masa remaja tidak kekal lama."





Mendengar kata-kata anakandanya, Maharaja berasa senang. Baginda sedar, bahawa baginda terlalu mengawal kebebasan puteranya. Tentunya kehidupan di istana tidak menggembirakannya. Maharaja bercadang untuk menyuruh anakandanya mengikut rombongan Ketua Menteri yang akan berangkat ke Asia Tenggara tidak lama lagi. Lagi pun tentunya dengan ketibaan puteranya nanti, hubungan persahabatan dengan negeri-negeri di Asia Tenggara akan lebih mudah dijalankan. Para pemerintah di negeri-negeri tersebut tentu akan menghormati puteranya.





Maharaja menyambung kata-katanya, "Ayahanda baru berbincang dengan Ketua Menteri. Kami telah bersetuju untuk menghantar perutusan muhibah ke negeri Jawa di Asia Tenggara untuk mengembangkan kuasa Kerajaan Ming. Mahukah anakanda menyertai rombongan tersebut?"

Putera seolah-olah tidak percaya dengan kata-kata tersebut. Untuk pertama kali dalam hidupnya, beliau diizinkan keluar dari istana untuk melawat dunia luar. Tempat yang akan dituju pula bukanlah dekat, malah beribu-ribu batu jauhnya dari negerinya. Putera menyedari peluang ini dan tidak mahu dilepaskan. Beliau terlalu gembira.





“Memang benar kata ayahanda, cadangan itu sangat baik. Mungkin setelah lama belayar, anakanda akan lebih berpengalaman, dan mungkin anakanda akan memenuhi hasrat ayahanda untuk melihat anakanda berumahtangga.”



Maharaja sangat gembira mendengar kata-kata puteranya. Baginda tahu ini adalah satu langkah yang baik. Maka persediaan untuk keberangkatan putera Maharaja ke negeri Jawa di Asia Tenggara pun dibuat.

Empat buah kapal dilengkapi dengan alat-alat senjata, sebagai langkah berjaga-jaga sekiranya diserang oleh lanun yang banyak di perairan Asia Tenggara. Kapal-kapal tersebut juga memuatkan barang-barang yang diperbuat daripada tembikar, emas, batu permata, kayu kapur, sutera dan keluaran-keluaran lain negeri Cina. Di samping itu, kapal-kapal ini ditugaskan untuk mengumpul keterangan-keterangan tentang agama Buddha, kerana Maharaja muhu meninggikan lagi taraf agama Buddha di negeri Cina.

Akhirnya tibalah hari yang ditunggu. Maka belseyarlah putera Maharaja dari negeri Cina. Beribu-ribu rakyat dan menteri, termasuk Maharaja sendiri menghantar putera itu di pelabuhan, dengan harapan rombongan tersebut akan selamat dalam perjalanan.



Pada zaman itu, setiap pelayaran mengambil masa yang panjang untuk sampai ke tempat yang dituju. Demikian jugalah dengan rombongan kapal Cina itu. Pelayaran yang begitu lama di tengah laut menyebabkan putera Maharaja mabuk laut. Namun begitu beliau tetap tabahkan hati kerana pelayaran ini sangat penting baginya. Untuk menghilangkan rasa sunyinya; putera selalu membantu anak-anak kapal membuat kerja yang ringan.



Pelayaran mereka tersangat jauh. Sebelum sampai ke tempat yang dituju, terlebih dahulu mereka terpaksa melintasi kawasan perairan Pulau Borneo. Kawasan ini terkenal dengan kegiatan-kegiatan lanun yang ganas. Mereka sangat berani dan berpengalaman.

Semasa kapal-kapal Cina menghampiri pantai Borneo, mereka telah diintip oleh lanun-lanun tersebut. Putera Maharaja tidak menyedari bahawa pantai Borneo itu adalah sarang lanun.

Setelah memerhatikan kapal-kapal Cina itu dengan teliti, maka lanun-lanun itu mula membuat rancangan untuk menyerang. Mereka yakin akan mendapat kemenangan, lebih-lebih lagi sekiranya mereka menyerang pada sebelah malam. Orang-orang Cina tentunya tidak akan menyangka mereka akan diserang, dan tidak bersedia. Dengan itu senanglah lanun-lanun tersebut mengalahkan mereka.

Maka pada sebelah malamnya, kumpulan lanun itu pun mula bergerak menuju kapal-kapal Cina itu dengan beberapa buah sampan. Tentunya sampan ini lebih laju daripada kapal Cina yang besar dan berat itu. Dengan bantuan cahaya bulan mengambang, ketua lanun pun mengarahkan orang-orangnya membedil kapal-kapal Cina itu.



Semasa serangan itu dibuat, orang-orang Cina sedang nyenyak tidur dalam kapal masing-masing. Setelah mereka terjaga, mereka sudah tidak dapat berbuat apa-apa lagi kerana kapal mereka telah terbakar.





Namun begitu orang-orang Cina tidak menyerah kalah. Mereka melawan habis-habisan menentang lanun-lanun yang ganas itu. Banyak yang mati dalam pertempuran ini.

Anak-anak kapal mengambil tindakan segera untuk menjaga keselamatan putera itu. Mereka menurunkan putera itu ke dalam perahu, lalu beliau pun berkayuh untuk mencari tempat perlindungan.




Dari tempat persembunyiannya, putera itu memerhatikan kawan-kawannya yang taat-setia mati dibunuh oleh lanun-lanun yang ganas itu. Setelah lanun-lanun itu meninggalkan kawasan tersebut, putera itu pun berdayunglah dengan perahunya ke pantai untuk mencari tempat perlindungan yang lebih selamat. Tetapi oleh kerana terlalu letih, beliau telah tertidur.

Apabila putera itu terjaga daripada tidurnya, beliau dapati dirinya terbaring, dan di sisinya terdapat tiga orang gadis cantik. Putera itu tidak memahami bahasa mereka, tetapi melalui bahasa isyarat, akhirnya tahu lah putera itu bahawa gadis-gadis itu dari-pada keturunan Kadazan yang tinggal di kawasan Borneo Timur.



Hari berlalu dan tahulah putera Cina itu bahawa ketiga-tiga gadis tersebut adik-beradik. Mereka semua belum berkahwin. Mereka memberikan layanan yang sangat baik kepada putera itu. Mereka tahu bahawa putera tersebut berketurunan Cina kerana mereka pernah melihat orang Cina yang singgah di tempat mereka. Mereka juga sedar bahawa putera itu berketurunan bangsawan apabila mereka melihat pakaianya.




Kini putera itu telah memulakan hidup baru. Layanan baik yang diberikan oleh ketiga-tiga gadis itu sangat memikat hatinya. Kini putera itu telah jatuh cinta kepada ketiga-tiga gadis tersebut, sehingga amat sukar untuk memilih di antara mereka sebagai isteri.



Namun begitu putera itu terus memberikan layanan yang sama kepada ketiga-tiga gadis Kadazan yang baik hati itu. Beliau juga banyak membantu mereka dalam kerja-kerja sehari-hari, seperti menjaga ternakan dan menebang kayu di hutan.

Tidak jauh dari tempat tinggal  
mereka terdapat sebuah  
gunung yang cantik.  
Putera Cina itu sangat  
suka memandang  
gunung yang menghijau  
itu, tetapi beliau tidak  
pasti apakah  
namanya.



Mengikut kata ketiga-tiga gadis itu, orang Kadazan menganggap gunung itu sebagai gunung keramat. Sekali setahun, mereka beramai-ramai mendaki gunung itu. Apabila sampai pada satu tahap, mereka akan mengadakan pemujaan sambil menghadiahkan barang-barang makanan seperti nasi, ayam, buah-buahan dan sayur-sayuran kepada penjaga atau penunggu gunung itu.



Putera Cina itu sedar sekiranya beliau mahu tinggal lama di Borneo, beliau mesti menghormati kepercayaan orang Kadazan itu. Kerana itulah ada masanya beliau ikut bersama ketiga-tiga gadis itu untuk mengadakan pemujaan di gunung itu.



Menurut kepercayaan orang-orang Kadazan, gunung itu gunung keramat. Ia melindungi mereka daripada gangguan kuasa ghaib yang mahu mengkhianati mereka. Kepercayaan ini sangat sukar untuk dihapuskan di kalangan orang Kadazan.

Pada suatu hari, putera Cina memberitahu ketiga-tiga adik beradik itu bahawa beliau berhajat untuk berkahwin. Tentunya mereka sangat gembira mendengar berita itu. Tetapi mereka bertiga serba salah. Adik yang bongsu merasakan kakak mereka yang tualah yang patut menjadi isteri putera itu, kerana ia lebih tua dan lebih berpengalaman. Tetapi, si kakak menolak. Ia lebih suka kalau adik-adiknya itu yang berkahwin. Keadaan ini menunjukkan bahawa ketiga-tiga adik beradik ini tidak mementingkan diri sendiri. Mereka mengasihi antara satu sama lain sebagaimana mereka mengasihi putera itu.




Namun begitu, putera tersebut berasa tidak adil sekiranya beliau hanya memilih salah satu daripada mereka bertiga itu. Ini kerana mereka sama-sama menolong beliau. Tambahan pula beliau sendiri menyintai ketiga-tiga gadis itu. Akhirnya putera tersebut membuat keputusan untuk mengahwini ketiga-tiga gadis tersebut.

Langkah gembiranya hati ketiga-tiga gadis itu. Mereka tahu inilah keputusan yang paling baik. Dengan cara ini mereka tidak akan cemburu-mencemburui antara satu sama lain.

Kaum Kadazan seluruhnya menyambut berita tersebut dengan gembira. Mereka juga sayang akan putera Cina itu. Beliau tidak pernah mencampuri hal-ehwal adat dan kepercayaan mereka. Untuk menyambut hari perkahwinan antara putera itu dengan ketiga-tiga gadis itu, satu pesta besar-besaran telah diadakan.

Sementara itu, Maharaja Cina berasa sungguh sedih dengan kehilangan puteranya. Baginda telah diberitahu bahawa puteranya telah mati dibunuh oleh lanun-lanun. Timbul rasa menyesal kerana membenarkan puteranya mengikuti rombongan tersebut. Tetapi apa boleh buat, nasi telah menjadi bubur. Supaya takhta kerajaan negeri tidak jatuh ke tangan orang lain, baginda telah melantik adiknya untuk meneruskan pemerintahan Ming di Cina.





Hasil daripada perkahwinannya, putera Cina telah mendapat beberapa orang anak. Mereka semua mengikut cara hidup orang Kadazan, dan daripada mereka lahir bermulanya keturunan orang Cina-Borneo yang ada sekarang.

Pada suatu hari, putera tersebut telah jatuh sakit, lalu meninggal dunia. Mayatnya ditanam di kaki gunung yang dianggap keramat oleh orang Kadazan. Isteri-isterinya amat sedih dengan kematian suami mereka. Namun begitu mereka juga tidak kekal lama. Beberapa lama selepas itu seorang demi seorang isteri putera itu meninggal dunia.

Orang-orang kampung berasa sedih dengan peristiwa ini. Mereka menanam ketiga-tiga mayat balu putera Cina itu bersama suami mereka, iaitu di kaki gunung yang keramat itu. Lalu gunung itu diberi nama Gunung Kinabalu yang bererti 'Gunung Janda Sunyi'.

